LAPORAN SUKU TAHUNAN 2/2023

2023

PYDC

PENANG YOUTH DEVELOPMENT CORPORATION













April

-

Jun

EKSKLUSIF

Sepanjang suku kedua tahun 2023, Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) telah menunjukkan perkembangan yang amat positif. Pelbagai program pembangunan belia telah berjaya dilaksanakan. Program-program yang dianjurkan oleh PYDC telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan belia dan masyarakat awam. Sejajar dengan misi dan visi yang digariskan, PYDC akan terus berusaha untuk membangunkan golongan belia yang dikasihi dengan tulus ikhlasnya dengan mengadakan pelbagai inisiatif yang berinovasi dan kreatif. Menjelang suku tahun kedua, PYDC kekal gigih dan bersedia untuk terus menjana nilai-nilai tambahan untuk lebih ramai lagi belia melalui pelbagai program.


VISI

KE ARAH BELIA YANG BERINTEGRITI, BERKEBOLEHPASARAN DAN BERDAYA SAING

MISI

UNTUK MENDIDIK, MEMBANGUN DAN MEMPERKASAKAN BELIA KE ARAH PEMBANGUNAN HOLISTIK.

CARTA ORGANISASI



YOUTH FOR FUTURE

BELIA UNTUK MASA DEPAN

"Belia Untuk Masa Depan" (Youth For Future) merupakan satu inisiatif yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah MMK Belia and Sukan untuk membangunkan golongan belia and anak muda di Pulau Pinang dan mempersiapkan belia kita untuk menghadapi cabaran pada masa hadapan serta menyumbang kepada pembangunan negara.

PEMBANGUNAN EKONOMI

- Portal Kerjaya Belia : We Want You
- Bakat Digital Muda Pulau Pinang
- Pembangunan Kemahiran Insaniah (Career Readiness)
- Pertandingan Keusahawanan Belia (Youth Entrepreneurship Challenge)
- Persidangan Belia Antarabangsa (International Youth Conference)

PEMBANGUNAN SOSIAL

- Sukarelawan Belia Pulau Pinang (Penang Youth Volunteer)
- Sidang Muda
- Pusat Belia
- Kesedaran Sivik
- Undi18
- Pembangunan Belia Luar Bandar

PEMBANGUNAN DIRI

- E-Sukan
- Belia Berirama (Youth with Rhythm)
- Kanvas Kosong (Blank Canvas)
- Youth Coaching
- Sudut Pandangan Lensa (Into the Lens)
- Kepimpinan Belia

ISI KANDUNGAN

PEMBANGUNAN EKONOMI 5

Portal Kerjaya Belia : We Want You 6
Pertandingan Keusahawanan Belia (Youth Entrepreneurship Challenge) 9
Bengkel Penerokaan Kerjaya (Career Discovery) 11
Kisah Keusahawanan Belia (Tales of Entrepreneurs) 14

PEMBANGUNAN SOSIAL 15

Sukarelawan Belia Pulau Pinang 16
Kesedaran Sivik 19
Pusat Belia 22

PEMBANGUNAN DIRI 23

Belia Berirama (Youth with Rhythm) 24
Bakat Drama Pemuda (Youth in Drama) 27
Seni Bergerak (Arts in Motion) 28
Sudut Pandangan Lensa (Into the Lens) 29
Kanvas Kosong (Blank Canvas) 30
E-Sukan (E-Sports) 31

KOLABORASI AKADEMIA-INDUSTRI-NGO AGENSI 33

SKIM INSENTIF KECEMERLANGAN BAKAT MUDA PULAU PINANG (SIKBMPP) - BEST! ANAK PENANG 38

JAWATANKUASA BELIA PULAU PINANG (JBPP) 40

KESIMPULAN 45

PROGRAM AKAN DATANG (OKT - DIS 2023) 46

PEMBANGUNAN EKONOMI

Berfokuskan pada bidang keusahawanan belia, dan pendedahan belia terhadap peluang pekerjaan, pemantapan kerjaya bakat digital belia serta kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan pihak industri.

INISIATIF:

- **Portal Kerjaya Belia: We Want You**
- **Pertandingan Keusahawanan Belia** (Youth Entrepreneurship Challenge)
- **Penerokaan Kerjaya** (Career Discovery)
- **Kisah Usahawan Belia** (Tales of Entrepreneurs)
- **Persediaan Kerjaya** (Career Readiness)

Inisiatif	Jumlah Program	Jumlah Penyertaan
Portal Kerjaya Belia: We Want You	8	9,904
Pertandingan Keusahawanan Belia	5	616
Penerokaan Kerjaya	9	670
Kisah Usahawan Belia	4	4
Jumlah Keseluruhan	26	11,194

PORTAL KERJAYA BELIA: WE WANT YOU

"We Want You" adalah portal kerjaya yang dilancarkan pada tahun 2020 untuk menolong menampung permintaan bakat oleh golongan majikan dan mengurangkan kadar pengangguran belia di Pulau Pinang.

PYDC menggerakkan pelbagai inisiatif untuk mempromosikan dan mengembangkan portal kerjaya "We Want You" dengan menghadiri pameran kerjaya bagi mendapatkan lebih banyak majikan dan peluang pekerjaan untuk diiklankan dalam portal tersebut. PYDC turut bekerjasama dalam program karnival kerjaya selari dengan inisiatif portal kerjaya ini.

601 syarikat

4508 permohonan pekerjaan

2274 peluang pekerjaan

Setakat 27 Jun 2023

KARNIVAL KERJAYA USM KAMPUS KEJURUTERAAN 12 & 13.04.2023







PYDC hadir untuk Karnival Kerjaya USM Kampus Kejuruteraan. Dalam karnival tersebut, PYDC telah mengambil inisiatif mempromosikan portal kerjaya "We Want You" di USM Kampus Kejuruteraan dan juga telah memperoleh sejumlah majikan baharu yang mengiklankan peluang pekerjaan menerusi portal "We Want You".

KARNIVAL KERJAYA TUNKU ABDUL RAHMAN UNIVERSITY OF MANAGEMENT AND TECHNOLOGY CAWANGAN PULAU PINANG 19 & 20.04.2023

PYDC telah menghadiri ke Karnival Kerjaya Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TARUMT) Cawangan Pulau Pinang.

Dalam karnival tersebut, PYDC telah mengambil inisiatif mempromosikan portal kerjaya "We Want You" dan juga telah memperoleh sejumlah pengguna baharu untuk portal kerjaya tersebut di samping mempromosikan inisiatif-inisiatif lain oleh PYDC.







PAMERAN KERJAYA PERKESO PULAU PINANG 21.05.2023





PYDC hadir untuk Pameran Kerjaya Perkeso Pulau Pinang di Wisma PERKESO, Seberang Jaya untuk mempromosikan portal kerjaya We Want You kepada semua pencari kerja yang hadir.

PYDC juga berjaya menarik ramai pengguna baharu, termasuk majikan seperti McDonald's, untuk mendaftar dan mengiklankan jawatan kosong mereka menerusi portal We Want You. Ramai pengunjung juga berminat dan mendaftar sebagai pengguna portal We Want You.

KARNIVAL KERJAYA MYFUTURE JOBS NEGERI PULAU PINANG 04.06.2023







PYDC telah menghadiri ke Karnival Kerjaya MyFuture Jobs peringkat negeri Pulau Pinang di Butterworth Arena.

Lebih menarik lagi, PYDC juga menerima satu slot istimewa untuk Dr. Gwee Sai Ling, Pengurus Besar PYDC, memberi perkongsian tentang jangkaan majikan dan kaedah meningkatkan kebolehpasaran bersama golongan belia yang hadir di karnival tersebut.

SENTRAL COLLEGE CAREER FAIR 07.06.2023



PYDC berkolaborasi dengan SENTRAL College Penang untuk menganjurkan SENTRAL College Career Fair

Sebagai langkah menjayakan program dan meningkatkan kemahiran insaniah belia, PYDC menghantar dua pakar kerjaya yang bersama PYDC untuk membuat perkongsian bersama belia yang hadir di karnival kerjaya tersebut iaitu Dr. Lim Beng Suat yang berkongsi tentang masa hadapan pendidikan kanak-kanak dan Encik Wind Tan yang berkongsi tentang kemahiran digital untuk pasaran dalam internet.





KARNIVAL KEUSAHAWANAN & KERJAYA PULAU PINANG 2023 (3KPP23): EKSPO KERJAYA & PENDIDIKAN (EKSPEN) 16 & 17.06.2023

PYDC turut menyokong untuk Karnival Keusahawanan & Kerjaya Pulau Pinang 2023 (3KPP23): Ekspo Kerjaya & Pendidikan (EKSPEN) di Universiti Sains Malaysia (USM). PYDC membuat pameran untuk mempromosikan pelbagai inisiatif oleh PYDC, termasuk portal kerjaya We Want You dan juga program latihan industri oleh PYDC.

Program 3KPP23 merupakan satu acara pameran kerjaya dan keusahawanan yang dianjurkan secara tahunan oleh Universiti Sains Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Program ini turut menghimpunkan syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan kecil untuk mempromosikan perniagaan dan peluang kerjaya.





KARNIVAL KERJAYA DENGAN KERJASAMA KADUN PERAI DAN PERKESO PULAU PINANG DI JURU AUTOCITY (CONCEPT HALL) 18.06.2023

Karnival Kerjaya dengan kerjasama KADUN Perai dan Perkeso Pulau Pinang di Juru Autocity (Concept Hall) pada 18 Jun 2023 lepas! Seramai 30 majikan telah menyertai karnival kerjaya ini dengan lebih 4000 kekosongan jawatan daripada pelbagai industri termasuk insuran, food & beverages, teknikal, MNC dan banyak lagi.





COMMUNICATION DAY AND CAREER FAIR AT HAN CHIANG UNIVERSITY COLLEGE OF COMMUNICATION 24.06.2023

PYDC bekerjasama dengan Han Chiang University College of Communication (HCUC) bagi menganjurkan acara "Communication Day and Career Fair" di kampus HCUC. Program selama 3 hari ini berjalan dengan sangat lancar dan memuatkan banyak perkongsian yang menarik bersama belia. Cik Samantha Tang, Eksekutif Program Kanan PYDC, juga dijemput untuk melakukan perkongsian tentang usaha pemerkasaan belia dan inisiatif-inisiatif PYDC bersama para peserta dalam satu slot perkongsian khas. Daripada kolaborasi berkenaan, PYDC juga menyokong inisiatif ini dari segi publisiti dan juga mempromosikan portal kerjaya “We Want You” kepada pengunjung.







PERTANDINGAN KEUSAHAWANAN BELIA (YOUTH ENTREPRENEURSHIP CHALLENGE)

Pertandingan Keusahawanan Belia atau "Youth Entrepreneurship Challenge" (YEC) merupakan sebuah acara tahunan oleh PYDC sejak tahun 2020. Daripada program YEC, para peserta yang terdiri daripada golongan belia dapat mengikuti bengkel dan seminar yang mengajar mereka tentang keusahawanan termasuk dari aspek undang-undang, usaha membangunkan kapasiti perniagaan, dan juga forum bersama usahawan terkemuka.

Kemuncak untuk program YEC ialah sebuah pertandingan pembentangan idea perniagaan kepada pelabur yang berpotensi setelah 10 orang finalis teratas dipilih. Pemenang kepada YEC boleh lanjutkan lagi idea perniagaan mereka menerusi inisiatif inkubator.

PEMENANG LEPAS YEC KE 7TH GLOBAL CROSS-BORDER E-COMMERCE EXPO 2023, CHINA
10.05.2023










Pihak PYDC, dengan kerjasama EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, berpeluang untuk membawa bersama pemenang-pemenang lepas untuk acara Youth Entrepreneurship Challenge (YEC) pada tahun-tahun sebelumnya untuk mempromosikan perniagaan-perniagaan mereka dalam acara 7th Global Cross-border E-Commerce Expo 2023 di China. Pemenang-pemenang YEC lepas yang dihantar termasuk Corrington.Co, Tropicor, dan Orifarm.

JUMLAH PESERTA: 3 PASUKAN

YEC WORKSHOP #1 | BUSINESS MODEL CANVAS & STRUCTURE OLEH DR. MUHAMMAD IMRAN
10.06.2023








Siri bengkel keusahawanan dijalankan di bawah inisiatif YEC pada tahun ini.

Bagi bengkel pertama dalam siri ini, PYDC membawakan Dr. Muhammad Imran, seorang “Biskaunselor” daripada Institut Keusahawanan Negara (INSKEN).

Dr. Imran berkongsi tentang strategi berharga perniagaan yang berkesan. Beliau menekankan kepentingan membina perkongsian yang kukuh dan mengoptimumkan proses kewangan. Tambahan lagi, beliau turut berkongsi tentang strategi untuk mengenal pasti kehendak dan keinginan pengguna bagi memperoleh jumlah pelanggan yang lebih meyakinkan.

JUMLAH PESERTA: 248 PESERTA

YEC WORKSHOP #2 | 10 ESSENTIAL MARKETING TOOLS FOR ENTREPRENEURS OLEH ENCIK BOB LAY 17.06.2023






Siri bengkel keusahawanan di bawah inisitaif YEC diteruskan dengan bengkel kedua bersama Encik Bob Lay, Jurulatih & Perunding Pemasaran Digital daripada Digital Marketing Networks (DMN).

En. Bob Lay berkongsi tentang 10 alat Pemasaran Penting dengan semua usahawan muda termasuk Capcut, CANVA dan ChatDaddy. Beliau berkongsi dengan para peserta tentang kepentingan untuk menguasai alat-alat tersebut bagi mengoptimukan prestasi perniagaan dalam ruangan pemasaran digital.

JUMLAH PESERTA: 147 PESERTA

YEC WORKSHOP #3 | MASTERING FINANCIAL MANAGEMENT FOR YOUR BUSINESS OLEH DR. NASRULLAH GHAZALY 24.06.2023



Bengkel keusahawanan bawah inisiatif YEC diteruskan lagi dengan perkongsian oleh Dr Nasrullah Ghazaly daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang merupakan Unit Peneraju Kerjasama di Jabatan Pendidikan Mikro PKS Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)




Peserta berpeluang mendengar perkongsian beliau tentang "Menguasai Pengurusan Kewangan untuk Perniagaan Anda" di mana Dr. Nash berkongsi tentang pandangan dan strategi dalam menguruskan kewangan sesebuah syarikat dengan berkesan. Sebagai wakil AKPK, beliau turut berkongsi statistik semasa yang mencerminkan realiti pengurusan wang bagi perniagaan-perniagaan tertentu dan kaedah untuk menguruskan kewangan syarikat dengan baik.

JUMLAH PESERTA: 128 PESERTA

YEC WORKSHOP #4 | FROM IDEAS TO ASSETS: MASTERING ENTREPRENEURSHIP AND INTELLECTUAL PROPERTY OLEH ENCIK VINCENT LIM 25.06.2023





Siri bengkel keusahawanan di bawah inisiatif YEC disambung dengan perkongsian oleh Encik Vincent Lim, Pengetua Gordian Consultancy dan Pengasas bersama untuk Latmena Project.

Dalam sesi tersebut, Encik Vincent Lim berkongsi tentang konsep harta intelektual dan bagaimana konsep tersebut penting untuk perniagaan agar idea-idea oleh syarikat dapat terus dipelihara sebagai hak rasmi perniagaan dan tidak boleh diciplak oleh pihak lain tanpa kebenaran.

JUMLAH PESERTA: 87 PESERTA

BENGKEL PENEROKAAN KERJAYA (CAREER DISCOVERY)

PYDC menyasarkan untuk merancakkan lagi program persediaan kerjaya bagi golongan belia untuk tahun ini. Program-program Bengkel Penerokaan Kerjaya (Career Discovery) dianjurkan sebagai usaha berterusan PYDC untuk membawa pakar pendidikan dan pemain industri ke sekolah-sekolah menengah di Pulau Pinang untuk berkongsi dengan pelajar tentang laluan kerjaya yang pelajar boleh ceburi.

CAREER DISCOVERY 1.0 DI SMKA AL-MASHOOR (L) 12.04.2023





Untuk program "Career Discovery" yang pertama pada tahun 2023, pada 12 April 2023, PYDC bermula di SMKA Al-Mashoor (L) sebagai destinasi pertama. Seramai 96 pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 aliran Sains diberi pendedahan tentang pengenalan umum IT, trend teknologi semasa, pendigitalan, keselamatan siber dan nilai diri melalui dua sesi perkongsian oleh Encik Ong Kok Leong, Rakan Pengurus Strategik Acronis dan Dr Ang Sau Loong, Pensyarah Kanan di Jabatan Pengkomputeran, Pusat Pengajian Kejuruteraan, Pengkomputeran & Alam Bina, UOW Malaysia KDU.

JUMLAH PESERTA: 96 PESERTA

CAREER DISCOVERY 2.0 DI KOLEJ TINGKATAN ENAM HAJI AHMAD ZAINUL ABIDIN 03.05.2023

Untuk sesi ini, ia telah diadakan di Kolej Tingkatan Enam Haji Zainul Abidin dan melibatkan dua penceramah khas: En. CK Tan dari NationGate Solutions dan Cik Yuki Loh dari Clarivate.



En. CK Tan berkongsi dengan pelajar pandangannya dan memberi tumpuan kepada pembangunan sahsiah dan ciri-ciri perwatakan yang menarik untuk berjaya dalam pelbagai bidang. Cik Yuki Loh turut memberikan pandangan yang berguna tentang industri dan perkembangan semasa. Kedua-dua penceramah itu memberikan sesi perkongsian yang bernas dan membantu pelajar yang mengambil bahagian dalam sesi hari ini.





JUMLAH PESERTA: 114 ORANG

CAREER DISCOVERY 3.0 DI SMK KAMPONG KASTAM, BUTTERWORTH 09.05.2023

Sesi ini diadakan di SMK Kampong Kastam, dengan Dr Teoh Boon Yew, Ketua Fakulti Forward School, dijemput sebagai penceramah. Dr Teoh berkongsi pandangannya tentang pelbagai bidang kejuruteraan, dengan tumpuan khusus pada kejuruteraan perisian. Beliau membincangkan trend semasa dalam industri dan bagaimana kejuruteraan perisian menjadi semakin penting dalam dunia hari ini. Dr Teoh juga menekankan banyak peluang pekerjaan yang tersedia dalam bidang itu, daripada pembangunan perisian kepada keselamatan siber dan analisis data.





JUMLAH PESERTA: 29 ORANG

CAREER DISCOVERY 4.0 DI SMKA (L) AL-MASHOOR (ALIRAN PERAKAUNAN) 24.05.2023





Untuk sesi Penerokaan Kerjaya ini, PYDC membawa En. Johari Aazali yang berkhidmat sebagai penasihat pendidikan di SENTRAL College Penang yang mengambil jurusan pemasaran dengan pengalaman pendidikan selama 11 tahun. Sepanjang pembentangannya, Encik Johari berkongsi dengan pelajar perjalanan pendidikan yang jelas untuk bidang perakaunan, termasuk syarat kemasukan yang diperlukan untuk memasuki institusi pengajian tinggi yang menawarkan kursus perakaunan.

JUMLAH PESERTA: 30 PESERTA

CAREER DISCOVERY 5.0 DI SMK DATO ONN BUTTERWORTH (ALIRAN SAINS) 07.06.2023





Sesi Penerokaan Kerjaya kali ini menjemput Prof. Dr Edmund Ng, Profesor Fakulti Pengkomputeran dan Informatik Universiti Malaysia Sabah dan Dr Lim Chia Yean, Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Sains Komputer, Universiti Sains Malaysia.

Sepanjang sesi ini, kedua-dua penceramah jemputan berkongsi tentang perkembangan semasa dalam aliran sains serta peluang kerjaya dan pendidikan yang bercambah dalam aliran STEM untuk pelajar-pelajar yang hadir.

JUMLAH PESERTA: 73 ORANG

CAREER DISCOVERY 6.0 DI SMK TUN HUSSEIN ONN 08.06.2023







Sesi Penerokaan Kerjaya yang sangat menyeronokkan dan interaktif telah diadakan pada 8 Jun 2023 di SMK Tun Hussein Onn, di mana tiga bidang berbeza disentuh.

Bidang pertama adalah dalam bidang teknikal, di mana Prof. Dr. Edmund Ng, Profesor Fakulti Pengkomputeran dan Informatik di Universiti Malaysia Sabah, menerangkan tentang Revolusi Industri keempat (IR4.0) dan impaknya terhadap kehidupan seharian. Beliau menekankan bagaimana IR4.0 telah membawa peningkatan kemudahan melalui kemajuan seperti realiti maya dan robotik.

Seterusnya, Encik Lim Thean Pheng, Timbalan Ketua di Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (Kampus Cawangan Pulau Pinang), membincangkan kepentingan kajian perniagaan dan menekankan analisis sebagai kemahiran penting dalam industri.

Akhir sekali, Encik Mohamad Shakir, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Pelajar di Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara Bukit Mertajam (IKTBN), memperkenalkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan berkongsi kelebihan mengikuti pengajian TVET. Beliau turut berkongsi pelbagai peluang kerjaya yang ditawarkan graduan TVET dan menghuraikan pelbagai program yang ditawarkan oleh IKTBN.

JUMLAH PESERTA: 125 ORANG

CAREER DISCOVERY 7.0 DI SMK BERAPIT (ALIRAN SAINS) 12.06.2023






Pada hari pertama, tumpuan diberikan kepada sektor perubatan dan kejuruteraan bersama pelajar aliran sains. Dr. Muhammad Ayyub Aiman, Pengajar Klinikal di Unit Psikiatri di Universiti AIMST, membincangkan ciri-ciri doktor, pendekatan alopati, laluan pendidikan untuk menjadi doktor, dan sukatan pelajaran perubatan. Berikutan itu, Encik Muhammad Azam Azuar, Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan di Universiti AIMST, berkongsi pandangan tentang kejuruteraan elektrik dan elektronik, sains komputer, data dan pengekodan, aplikasi praktikal mereka dalam kehidupan seharian, malah mempamerkan sampel kereta robot.

JUMLAH PESERTA: 41 PESERTA

CAREER DISCOVERY 8.0 DI SMK BERAPIT (ALIRAN SENI) 13.06.2023





Pada hari kedua, tumpuan beralih kepada aliran perakaunan. Cik Josephine Tong, Penasihat Kewangan Korporat, berkongsi perjalanan peribadi dan pengalamannya dalam bidang tersebut, menekankan nilai-nilai yang perlu ditegakkan dan kepentingan untuk terus merendah diri dan bersedia untuk belajar. Selain itu, Encik Tan PH, Pengarah Pengajian, dan Cik Nel Ng, Ketua Sekolah Perniagaan & Pengurusan di SENTRAL College Penang, berkongsi laluan pendidikan yang boleh diambil pelajar aliran perakaunan.

JUMLAH PESERTA: 73 ORANG

CAREER DISCOVERY 9.0 DI SMK DATO ONN BUTTERWORTH (ALIRAN PERAKAUNAN) 14.06.2023

Bengkel kali ini membawa Pn. Ng Lay Gaik, Pensyarah Fakulti Perakaunan dan Kewangan, Tunku Abdul Rahman University of Management and Technology (TARUMT) membincangkan pelbagai laluan pendidikan yang tersedia untuk pelajar selepas SPM, termasuk program Matrikulasi, Tingkatan 6, dan Diploma. Beliau menekankan bahawa Kepintaran Buatan (AI) bukan ancaman kepada profesion perakaunan, menekankan kepentingan pertimbangan manusia dan kepakaran dalam bidang tersebut.

Cik Gan, seorang Admin Staff dari TARUMT turut berkongsi komitmen universiti dalam menyediakan pendidikan berkualiti dan memupuk pembangunan sahsiah dan profesional dalam kalangan pelajar.





JUMLAH PESERTA: 89 ORANG

KISAH KEUSAHAWANAN BELIA (TALES OF ENTREPRENEURS)

"Kisah Keusahawanan Belia" merupakan satu inisiatif daripada PYDC untuk menyokong perniagaan-perniagaan yang dimilki belia di Pulau Pinang.

Inisiatif ini merupakan satu pelantar di mana PYDC menghimpunkan usahawan muda yang berumur antara 16 dan 35 tahun untuk mempromosikan perniagaan mereka. PYDC menyediakan pelantar untuk memaparkan kisah kejayaan mereka agar memberi inspirasi kepada golongan belia.

4

KISAH USAHAWAN BELIA DIMANFAATKAN

ROKU THE TACO BAR
12.05.2023





ARUS ACADEMY
14.04.2023





RTELINGO
26.05.2023





ORIZON VISUAL WORKS
09.06.2023





PEMBANGUNAN SOSIAL

Memfokuskan pada penyertaan sosial, kesukarelawanan, kesedaran sivik dan pembangunan belia luar bandar.

INISIATIF:

- **Sukarelawan Belia Pulau Pinang**
- **Kesedaran Sivik**
- **Pusat Belia**
- **Sidang Muda**
- **Kolaborasi Bersama Pertubuhan Belia**

Inisiatif	Jumlah Program	Jumlah Penyertaan
Sukarelawan Belia Pulau Pinang	20	617
Kesedaran Sivik	7	778
Pusat Belia	3	180
Jumlah Keseluruhan	**30**	**1,575**

SUKARELAWAN BELIA PULAU PINANG

Sukarelawan Belia Pulau Pinang dilancarkan pada 1 Mac 2020 oleh PYDC di bawah MMK Belia dan Sukan Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercita-cita tinggi untuk mewujudkan masyarakat yang progresif melalui pembangunan golongan belia selaras dengan strategi Penang2030 Tema C2 yang menekankan peningkatan penyertaan belia, wanita dan senior dalam masyarakat. Justeru, PYDC mengalu-alukan penyertaan aktif belia dalam inisiatif ini.

5160 SUKARELAWAN BERDAFTAR SETAKAT 27 JUN 2023

SUKARELAWAN BELIA DI PERPUSTAKAAN DIGITAL PULAU PINANG PROGRAM BULANAN 04, 05 & 06 - 08 2023

Projek "Pustakawan Sukarelawan" atau "Volunteer Librarians" ini merupakan sebuah program bulanan oleh PYDC dengan kerjasama Perpustakaan Digital Pulau Pinang.

Setiap bulan, slot baharu akan dibuka untuk anggota Sukarelawan Belia Pulau Pinang yang berminat untuk menjadi pustakawan sukarelawan di Perpustakaan Digital Pulau Pinang.



JUMLAH PENYERTAAN PADA APRIL 2023: 23 BELIA

JUMLAH PENYERTAAN PADA MEI 2023: 21 BELIA

JUMLAH PENYERTAAN PADA JUN - OGOS 2023: 47 BELIA

SUKARELAWAN UNTUK KARNIVAL RAMADAN SUNGAI PINANG 01.04.2023

Sukarelawan Belia Pulau Pinang menyediakan pelbagai aktiviti seni dan budaya untuk komuniti kita seperti seni kolam, membuat ketupat dan permainan tradisional sempena Karnival Ramadan anjuran pejabat KADUN Sungai Pinang, YB Lim Siew Khim. Bersyukur atas peluang untuk membawa kegembiraan dan pengalaman menarik kepada komuniti!









JUMLAH PENYERTAAN: 18 BELIA







SUKARELAWAN UNTUK PERLAWANAN BOLA SEPAK PENANG FC

Sukarelawan Belia Pulau Pinang kita urut membantu di Stadium Bandaraya dan di Stadium Batu Kawan untuk perlawanan bola sepak dalam liga-liga utama yang disertai Penang FC. Berikut merupakan perlawanan yang disertai:

- **PIALA MFL**
  02.04.2023
  JUMLAH PENYERTAAN: 12 BELIA
- **LIGA SUPER MALAYSIA**
  09.04.2023
  JUMLAH PENYERTAAN: 15 BELIA
- **LIGA SUPER MALAYSIA**
  18.04.2023
  JUMLAH PENYERTAAN: 32 BELIA
- **PIALA MFL**
  16.04.2023
  JUMLAH PENYERTAAN: 13 BELIA
- **PIALA MFL**
  21.05.2023
  JUMLAH PENYERTAAN: 7 BELIA
- **LIGA SUPER MALAYSIA (PENANG FC VS JDT FC)**
  03.06.2023
  JUMLAH PENYERTAAN: 30 BELIA
- **LIGA SUPER MALAYSIA**
  08.06.2023
  JUMLAH PENYERTAAN: 20 BELIA
- **PIALA MFL**
  10.06.2023
  JUMLAH PENYERTAAN: 12 BELIA

AKTIVITI MEMBUAT KUIH RAYA DAN DERMA BERSAMA IPK COLLEGE DAN SMKA AL-MASHOOR 05 & 06.04.2023








Sebanyak 142 balang kuih raya telah berjaya dihasilkan melalui program tersebut yang berlangsung pada 5 & 6 April 2023 di Penang Youth Space, Jelutong. Kuih Raya dan barang keperluan harian telah disumbangkan kepada Pusat Jagaan Inapan Kasih Sayang dan Wisma Yatim Laki-Laki Pulau Pinang pada 17 & 18 April 2023 bagi meraikan perayaan ini bersama-sama.

JUMLAH PENYERTAAN: 50 BELIA

FESTIVAL SONGKRAN
15.04.2023



Sukarelawan Belia Pulau Pinang kita terlibat dalam penyelarasan program Festival Songkran Peringkat Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Konsulat Diraja Thailand di Pulau Pinang.

JUMLAH PENYERTAAN: 13 BELIA

PROJEK MURAL KANVAS KOSONG SAMBUTAN HARI IBU
11.05.2023






Pada 13hb Mei 2023, PYDC dengan kerjasama Gurney Paragon Mall dan Ming Art Gallery telah melaksanakan projek Mural Seni Kanvas Kosong Sambutan Hari Ibu. Sukarelawan Belia Pulau Pinang telah mengekspresikan penghargaan mereka terhadap ibu melalui lukisan mural dan menjayakan projek ini bersama-sama.

JUMLAH PENYERTAAN: 13 BELIA

Program LovEPenang RUn 2023
14.05.2023






Sukarelawan Belia Pulau Pinang kita terlibat dalam edaran kit untuk peserta LovePENANG Run 2023. Pihak penganjur program juga merakamkan ucapan terima kasih kepada sukarelawan yang terlibat kerana melancarkan proses edaran kit untuk peserta.

JUMLAH PENYERTAAN: 36 BELIA

MAJLIS APRESIASI SUKARELAWAN BELIA PULAU PINANG 2023
19.05.2023






Majlis Apresiasi Sukarelawan Belia Pulau Pinang 2023 telah berjaya dianjurkan di St. Giles Wembly Hotel. Majlis Apresiasi Sukarelawan Belia Pulau Pinang merupakan satu acara tahunan sebagai simbol penghargaan buat sukarelawan belia yang telah menunjukkan komitmen tinggi dalam aktiviti-aktiviti kesukarelawanan.

JUMLAH PENYERTAAN: 159 BELIA

SUKARELAWAN UNTUK LOVEPENANG YOUTH NIGHT CONCERT
03.06.2023






Sukarelawan Belia Pulau Pinang kita terlibat dalam penyelarasan untuk acara LovePENANG Youth Night Concert.

JUMLAH PENYERTAAN: 39 BELIA

SUKARELAWAN UNTUK MAJLIS VASAKHI PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG
04.06.2023





Sukarelawan Belia Pulau Pinang kita terlibat bagi menjayakan Majlis Vasakhi Peringkat Negeri Pulau Pinang. Sukarelawan ditugaskan untuk membantu dari segi logistik dan pengagihan makanan kepada komuniti kita.

JUMLAH PENYERTAAN: 17 BELIA

SUKARELAWAN UNTUK PROGRAM SANTAI BELIA BERSAMA KETUA MENTERI
18.06.2023






Sukarelawan Belia Pulau Pinang kita terlibat bagi menjayakan program Santai Belia Bersama Ketua Menteri dengan membantu untuk proses pendaftaran peserta serta penyusunan logistik program berkenaan.

JUMLAH PENYERTAAN: 40 BELIA

KESEDARAN SIVIK

PYDC turut bekerjasama dengan pelbagai pihak, termasuk NGO, pertubuhan sivil, dan institusi-institusi pendidikan tinggi, bagi mempromosikan kesedaran sivik dalam golongan belia melalui program bengkel, seminar, dan juga dialog kesedaran.

BENGKEL BANGSA MALAYSIA
15 & 16.04.2023





PYDC berkolaborasi bersama Pusat Komas dan juga Kelab Sains Politik USM (KESPOL USM) bagi menganjurkan program Bengkel Bangsa Malaysia di Padang Lalang dan juga di Universiti Sains Malaysia (USM). Program Bengkel Bangsa Malaysia memuatkan silibus berkaitan kesedaran sivik, hak asasi manusia, dan kewarganegaraan.

JUMLAH PENYERTAAN: 90 BELIA

WHAT'S UP YOUTH #1: “LIKES TO LIFE LESSONS” FT. CAHAYA ICHA
16.04.2023






PYDC bekerjasama dengan Generasi Penang untuk siri "What's Up Youth" yang merupakan satu siri dialog santai untuk golongan belia bersama pemimpin dan figura tempatan dalam pelbagai aspek. Bagi program pertama di bawah inisiatif ini, penganjur membawa Cik. Cahaya Icha, seorang influencer di TikTok untuk berkongsi dengan peserta tentang nilai-nilai kehidupan dan bagaimana untuk memanfaatkan media sosial dalam menyebarkan kebaikan.

JUMLAH PENYERTAAN: 21 BELIA

WHAT'S UP YOUTH #2: "FROM NOTHING TO SOMETHING" FEATURING FRANK EE
29.04.2023





Program What's Up Youth kedua ini membawakan En. Frank Ee, seorang pemilik kedai kopi. Dalam perkongsian beliau, beliau menceritakan perihal kesusahan dan cabaran dalam meghasilkan perniagaan sendiri dan saranan beliau untuk anak-anak muda yang berminat dalam menghasilkan perniagaan sendiri.

JUMLAH PENYERTAAN: 31 BELIA

"WHAT MAKES A GOOD MP?" WORKSHOP
06.05.2023





PYDC bekerjasama dengan MyMP untuk menganjurkan program bengkel "What Makes A Good MP?" di Penang Institute. Dalam bengkel ini, peserta dapat belajar tentang kaedah menggunakan data untuk menilai prestasi seorang wakil rakyat dan juga terlibat dalam dialog tentang nilai-nilai baik yang perlu ada dalam seorang wakil rakyat.

JUMLAH PENYERTAAN: 16 BELIA

"WHAT'S UP YOUTH #3: PENANG'S FUTURE: DEAD TOWN OR THRIVING STATE?
10.05.2023





Program ini membawakan En. Joshua Woo yang menceritakan tentang perkembangan negeri Pulau Pinang dari segi pembangunan infrastruktur dan juga kepentingan untuk memastikan ekonomi dan pembangunan negeri dalam keadaan mampan demi keterlangsungan hidup masyarakat.

JUMLAH PENYERTAAN: 29 BELIA

WHAT'S UP YOUTH #4: MALAYSIA MADANI: APAKAH MANFAATNYA KEPADA ORANG MUDA?
21.05.2023





Program ini membawakan En. Zulfadzli, atau lebih dikenali sebagai Jon, yang menceritakan tentang konsep "Malaysia MADANI" yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri ke-10 dan bagaimana konsep tersebut dihasilkan dan dijadikan pedoman semasa untuk pembangunan negara.

JUMLAH PENYERTAAN: 33 BELIA

SANTAI BELIA BERSAMA KETUA MENTERI
18.06.2023





Program ini merupakan sebuah kerjasama istimewa oleh Pejabat Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang bersama PYDC dan juga Majlis Belia Negeri Pulau Pinang. Dalam program ini, peserta dari kalangan belia berpeluang untuk terlibat dalam dialog bersama YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang. Sepanjang program ini, peserta dari pelbagai latar belakang dapat mengajukan soalan dan juga cadangan kepada YAB Ketua Menteri bagi perbincangan dan diskusi secara dua hala.

JUMLAH PENYERTAAN: 558 BELIA

PUSAT BELIA

Pusat Belia merupakan sebuah inisiatif untuk menubuhkan sekurang-kurangnya satu pusat fasiliti yang boleh digunakan untuk kegunaan aktiviti dan pembangunan belia di setiap KADUN di negeri Pulau Pinang.

MAJLIS PERASMIAN PUSAT BELIA MACHANG BUBUK
12.04.2023







Majlis Perasmian Pusat Belia Machang Bubuk telah dianjurkan dengan kehadiran YB Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, YB Lee Khai Loon, ADUN Machang Bubuk, dan Dr. Gwee Sai Ling, Pengurus Besar PYDC. Majlis perasmian ini turut diikuti dengan majlis berbuka puasa di perkarangan Pusat Belia baharu tersebut.

JUMLAH PENYERTAAN: 80 BELIA

MAJLIS PERASMIAN PUSAT BELIA SUNGAI PUYU
16.04.2023







Majlis Perasmian Pusat Belia Sungai Puyu telah dianjurkan dengan kehadiran YB Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, YB Phee Boon Poh, ADUN Sungai Puyu, dan Dr. Gwee Sai Ling, Pengurus Besar PYDC.

JUMLAH PENYERTAAN: 60 BELIA

MAJLIS PERASMIAN PUSAT BELIA KOMTAR
14.06.2023







Majlis Perasmian Pusat Belia Sungai Puyu telah dibuat dengan kehadiran YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang, YB Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, YB Teh Lai Heng, ADUN Komtar, dan Cik Ng Hooi Ting, Timbalan Pengurus Besar PYDC.

JUMLAH PENYERTAAN: 40 BELIA

PEMBANGUNAN DIRI

Memfokuskan pada bidang daya kepimpinan, bimbingan dan mentorship, pembangunan kemahiran/minat belia, bakat serta seni dan budaya.

INISIATIF:

- **Bakat Muzik Pemuda**
  (YWR | Youth In Music)
- **Bakat Drama Pemuda**
  (YWR | Youth In Drama)
- **Sudut Pandangan Lensa**
  (Into The Lens)
- **Kanvas Kosong**
  (Blank Canvas)
- **Seni Bergerak**
  (Art In Motion)
- **E-Sukan**

Inisiatif	Jumlah Program	Jumlah Penyertaan
Bakat Muzik Pemuda	11	1657
Bakat Drama Pemuda	5	56
Seni Bergerak	1	80
Sudut Pandangan Lensa	2	55
Kanvas Kosong	4	255
E-Sukan	5	552
Jumlah Keseluruhan	**28**	**2655**

BAKAT MUZIK PEMUDA (YWR | YOUTH IN MUSIC)

Bakat Muzik Pemuda (Youth in Music) merupakan satu inisiatif di bawah Belia Berirama (Youth With Rhythm) yang berhasrat untuk mengumpulkan belia-belia yang berbakat dalam bidang muzik di Pulau Pinang. Melalui inisiatif ini, satu komuniti untuk ahli muzik muda Pulau Pinang dapat ditubuhkan sekaligus menjadikan Pulau Pinang terkenal dengan kepelbagaian muzik dan seni persembahan.

Pelantar ini membantu menghubungkan pemuzik dengan penganjur acara yang mencari penghibur untuk persembahan dalam majlis mereka. Kriteria untuk menyertai pelantar ini adalah belia berumur antara 15 hingga 40 tahun, mestilah warga Pulau Pinang atau bermastaudin di Pulau Pinang.

PERTANDINGAN 'K-DREAM UEDANCE'
29.04.2023







PYDC diberi penghormatan untuk menjadi rakan kerjasama untuk pertandingan UEDance K-Dream oleh Kelab Tarian PBT, USM kampus Kejuruteraan. Pertandingan ini merupakan pertandingan menari K-Pop untuk para belia mempamerkan kemahiran menari mereka. PYDC terus menyokong inisiatif untuk belia mempersembahkan dan mengembangkan bakat mereka.

JUMLAH PENONTON: 498 BELIA

YIM | MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI DAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2023
02.05.2023





Sempena Majlis Sambutan Aidilfitri tersebut, dua orang ahli platform "Youth with Rhythm" iaitu Uma Mageswary dan Chia Shock Hong atau Minri dijemput untuk membuat persembahan yang dihadiri oleh Tuan Yang Terutama Dato ' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, YABhg. Toh Puan Dato' Seri Utama Khadijah binti Mohd Nor, dengan didampingi Ketua Menteri YAB. Chow Kon Yeow dan isteri, YABhg. Puan Tan Lean Kee.

JEMPUTAN PERSEMBAHAN: 2 PERSEMBAHAN

YIM | RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MALAYSIA MADANI NEGERI PULAU PINANG BERSAMA YAB PERDANA MENTERI
06.05.2023




Wan Yin Lau dan Asshvin Sudhakar dari pelantar "Youth with Rhythm" telah tampil membuat persembahan pada Majlis Rumah Terbuka Malaysia Madani Negeri Pulau Pinang bersama YAB Perdana Menteri yang diadakan di UiTM Pulau Pinang Cawangan Permatang Pauh.

JEMPUTAN PERSEMBAHAN: 2 PERSEMBAHAN

YIM | LOVE PENANG RUN 2023
14.05.2023






Pada 14 Mei 2023, PYDC sebagai rakan kerjasama telah memberi platform kepada USM Jazz Band untuk membuat persembahan dalam acara LovePENANG Run 2023.

JEMPUTAN PERSEMBAHAN: 1 KUMPULAN (5)

BROTHERS X DIJEMPUT UNTUK PERASMIAN BLANK CANVAS DI KOMPLEKS MAKANAN MEDAN RENONG
14.05.2023





Kumpulan muzik belia iaitu Brothers X dijemput untuk membuat persembahan di Kompleks Makanan Medan Renon sempena Majlis Perasmian Blank Canvas: Mural Art Di Padang Kota.

JEMPUTAN PERSEMBAHAN: 1 KUMPULAN (2)

SIDANG MEDIA LOVEPENANG YOUTH NIGHT CONCERT
19.05.2023







Satu sidang media telah diadakan untuk mengumumkan tentang acara "LovePENANG Youth Night Concert" yang bakal diadakan sebagai satu persembahan istimewa daripada platform “Youth With Rhythm".

YIM | MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI AHLI PARLIMEN TANJONG 20.05.2023





Satu kumpulan muzik Maestro Band telah membuat persembahan sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Ahli Parlimen Tanjong.

JEMPUTAN PERSEMBAHAN: 1 KUMPULAN (3)

LOVEPENANG YOUTH NIGHT CONCERT 03.06.2023









PYDC, dengan kerjasama Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang dan Akademi Muzik & Seni Persembahan Cadenza, telah berjaya mengadakan "LovePENANG Youth Night Concert" yang julung kali diadakan di Dewan Sri Pinang.

PYDC telah berbesar hati untuk mengadakan Konsert Malam Belia LovePENANG diserikan oleh Tuan Yang Terutama Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, dan YB Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang. Sebanyak lapan persembahan menakjubkan telah dibuat sepanjang acara tersebut.

Acara ini adalah projek khas oleh inisiatif Youth With Rhythm PYDC. Konsert itu menghimpunkan bakat-bakat muda PYDC untuk mempamerkan bakat dan persembahan mereka yang menakjubkan ke seluruh negeri Pulau Pinang.

JUMLAH PENYERTAAN: 109 PEMBERI PERSEMBAHAN

PERSEMBAHAN UNTUK MAJLIS MAKAN MALAM ULANG TAHUN KE-3 PENANG FC 09.06.2023







Pada 9 Jun 2023, PYDC telah berbesar hati untuk menghantar dua kumpulan belia yang menakjubkan untuk membuat persembahan untuk Majlis Makan Malam Ulang Tahun Ke-3 Kelab Bola Sepak Pulau Pinang.

JEMPUTAN PERSEMBAHAN: 2 KUMPULAN (5)

USMKKJ PBT CULTURAL NIGHT
09.06.2023





PYDC terlibat sebagai rakan kolaborasi untuk Malam Kebudayaan PBT anjuran Persatuan Bahasa Tionghua Kampus Kejuruteraan di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM). Acara ini mempamerkan persembahan kebudayaan yang menakjubkan yang disediakan oleh pelajar dan dipersembahkan kepada orang ramai. Majlis tersebut turut dimeriahkan lagi oleh kehadiran YB H'ng Mooi Lye, ADUN Jawi.

JUMLAH PENONTON: 600 BELIA

KONSERT TAHUNAN KE-25 USM JAZZ BAND
26.06.2023





PYDC berbangga menjadi rakan kerjasama untuk menyokong Konsert Tahunan Ke-25 Jazz Band USM. Acara tahunan ini dianjurkan oleh USM Jazz Band untuk menandakan pengalaman bertahun-tahun dan juga dedikasi mereka dalam persembahan! Tahun ini genap 25 tahun USM Jazz Band.

JUMLAH PENONTON: 431 BELIA

BAKAT DRAMA PEMUDA (YWR | YOUTH IN DRAMA)

Bakat Drama Pemuda (Youth in Drama) merupakan satu inisiatif di bawah Belia Berirama yang berhasrat untuk mengumpulkan belia-belia yang berbakat dalam bidang seni pementasan di Pulau Pinang. Melalui inisiatif ini, satu komuniti untuk penggerak seni drama Pulau Pinang dapat ditubuhkan sekaligus menjadikan Pulau Pinang terkenal dengan kepelbagaian seni persembahan.

HOLISTIC DRAMA WORKSHOP
SETIAP HARI AHAD SEHINGGA JUN 2023







Program "Holistic Drama Workshop" merupakan anjuran Noise Performance House dan PYDC. Program ini akan menganjurkan kelas drama pada setiap hujung minggu. Kursus Drama Holistik ialah satu program di bawah inisiatif baharu PYDC, "Youth In Drama". Kursus selama 12 minggu ini merangkumi pelbagai aspek dalam bidang drama termasuk persembahan atas pentas hingga ke belakang pentas, daripada penulisan skrip kepada penciptaan watak dan dengan objektif untuk mendapatkan golongan belia meneroka lebih jauh dalam persembahan teater.

JUMLAH PENYERTAAN: 9 BELIA

LET'S PLAY: YOUTH DRAMA COURSE
SETIAP HARI AHAD DARI MEI 2023 SEHINGGA JUN 2023





"Let's Play: Youth Drama Course" merupakan inisiatif anjuran PYDC dengan kerjasama Triple I Production House sebagai pengurus projek, dan disokong oleh MyPenang Creative, Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Balik Pulau dan Kelab Belia Cergas Permatang Tinggi. Inisiatif ini berlangsung dari Mei 2023 hingga Julai 2023 dan akan merangkumi pelbagai topik berdasarkan modul yang disediakan, termasuk mengenai lakonan asas, pergerakan badan, pengurusan pentas dan kelas latihan vokal. Pada 11 April 2023, satu sidang media telah dianjurkan untuk mengumumkan projek ini. Projek berjaya dilangsungkan melalui latihan-latihan yang dianjurkan setiap minggu.

JUMLAH PENYERTAAN UNTUK KELAS VERSI BM +BI (UITM PERMATANG PAUH) : 16 BELIA
JUMLAH PENYERTAAN UNTUK KELAS VERSI BAHASA MANDARIN (BALIK PULAU) : 15 BELIA
JUMLAH PENYERTAAN UNTUK KELAS VERSI BM +BI (BALIK PULAU) : 12 BELIA

PEMENTASAN TEATER "SENAPAS"
02 – 04.06.2023





"Senapas" merupakan sebuah persembahan penilaian projek tahun akhir oleh pelajar seni teater daripada Pusat Pengajian Seni di Universiti Sains Malaysia. Projek teater tersebut disokong oleh PYDC serta pertubuhan-pertubuhan seni kreatif lain di Pulau Pinang. Persembahan teater tersebut berlangsung dari 2 Jun hingga 4 Jun di Panggung Sasaran, USM, dengan plot yang sangat menarik dan kreatif daripada pelakon yang buat persembahan.

JUMLAH PELAJAR YANG DINILAI: 4 BELIA

SENI BERGERAK (ART IN MOTION)

"Art In Motion" merupakan sebuah inisiatif bengkel kesenian oleh PYDC untuk golongan belia. Dalam siri bengkel kesenian ini, PYDC memperkenalkan seni-seni tradisional atau moden untuk didedahkan dan diaplikasikan oleh para belia. Menerusi inisiatif ini, golongan belia dapat menghargai budaya tempatan dan menjadi penggiat kepada kesenian tersebut untuk masa hadapan.

ART IN MOTION: MENGANYAM KETUPAT DAN MELUKIS KOLAM SEMPENA KARNIVAL RAMADAN SUNGAI PINANG
01.04.2023






PYDC mengambil inisiatif untuk memperkenalkan seni menganyam ketupat dan melukis kolam sempena acara Karnival Ramadan Sungai Pinang pada 1 April 2023. Bengkel-bengkel mini ini berjaya menarik perhatian ramai pengunjung untuk turut sama belajar kaeadah menganyam ketupat dan mewarnakan kolam buat kali pertama, terutamanya dalam kalangan anak-anak muda.

JUMLAH PENYERTAAN: 80 BELIA


SUDUT PANDANGAN LENSA (INTO THE LENS)

Inisiatif "Sudut Pandangan Lensa" atau "Into The Lens: Short Film Competition" dianjurkan oleh PYDC dan merupakan salah satu program di bawah inisiatif kategori Seni dan Budaya PYDC serta "Belia untuk Masa Depan" yang dilancarkan oleh EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang.

Dalam inisiatif ini, PYDC mempersembahkan tentang bidang dan kemahiran perfileman dan penerbitan video pendek dalam kalangan belia. PYDC memberikan platform kepada golongan belia untuk mempersembahkan bakat dan kemahiran dalam bidang perfileman mereka menerusi pertandingan dan juga bengkel perfileman dan fotografi. Menerusi inisiatif ini juga, golongan belia yang berbakat dalam bidang perfileman dan seterusnya menceburi industri perfileman.

INTO THE LENS: PHOTOGRAPHY VIDEOGRAPHY WORKSHOP 01, 02 & 09.04.2023





PYDC dengan kerjasama Futuromic Photo dan disokong oleh COEX @ Kilang Besi, telah berjaya menganjurkan Bengkel Into The Lens: Videografi Fotografi pada 1, 2, dan 9 April 2023. Sepanjang bengkel selama 3 hari, para peserta dapat mempelajari tentang kemahiran dalam fotografi dan videografi yang disampaikan oleh penceramah daripada Atlantic by Motion in Style. Bengkel ini merupakan satu kejayaan besar apabila peserta berjaya menghasilkan video profesional mereka sendiri berdasarkan kemahiran baharu yang telah mereka pelajari.

JUMLAH PENYERTAAN: 30 BELIA

PHOTOGRAPHY & VIDEOGRAPHY WORKSHOP @ KVBL 14 & 15.06.2023




PYDC dengan kerjasama Atlantic By Motion In Style dan Kolej Vokasional Batu Lanchang (KVBL), telah berjaya menganjurkan program "Photography & Videography Workshop" di KVBL.

Program ini disertai oleh pelajar dari KVBL yang sangat teruja untuk mengetahui lebih lanjut mengenai meningkatkan kemahiran videografi dan fotografi termasuk kemahiran asas penyuntingan, teknik pencahayaan, dan pilihan lensa untuk pemula. Sepanjang bengkel, banyak aktiviti hands-on telah dilakukan berdasarkan modul yang disediakan yang sangat membantu pelajar. Hasil daripada pelajar yang mengambil bahagian sangat mengkagumkan.

JUMLAH PENYERTAAN: 25 BELIA

KANVAS KOSONG (BLANK CANVAS)

Selaras dengan visi Penang2030, PYDC telah melancarkan satu inisitiaf iaitu "Blank Canvas: Mural Art Series'' atau Kanvas Kosong. Aktiviti melukis mural merupakan salah satu program khidmat masyarakat di bawah PYDC bagi memperkasa golongan belia dalam aktiviti kesukarelawanan untuk berkhidmat kepada masyarakat setempat melalui seni dan inovasi.

Dalam projek ini, PYDC bekerjasama dengan pelbagai pihak termasuk penggiat seni mural dan institusi pengajian tinggi atau NGOs bagi menjayakan projek mural bawah inisiatif ini. Pelbagai lokasi yang bersesuaian di Pulau Pinang telah dipilih bagi projek Kanvas Kosong ini di samping memberi platform kepada golongan belia untuk mengekspresikan daya kreatif mereka untuk masyarakat. Terdapat juga bengkel kesenian untuk golongan belia bawah inisiatif ini untuk menggalakkan kreativiti kesenian dalam golongan belia.

BLANK CANVAS: SONGKRAN FESTIVAL MURAL ART
15.04.2023





PYDC dengan kerjasama Han Chiang High School, telah menghasilkan satu lukisan mural kesenian untuk sambutan Songkran Peringkat Negeri Pulau Pinang anjuran Konsulat Diraja Thailand di Pulau Pinang. Mural tersebut telah dipersembahkan kepada khalayak umum di Hin Bus Depot sempena sambutan berkenaan.

JUMLAH PENYERTAAN: 36 BELIA

BLANK CANVAS: MOTHER'S DAY PROJECT WITH GURNEY PARAGON AND MING ART GALLERY
13.05.2023





PYDC turut menghasilkan sebuah seni mural sempena Sambutan Hari Ibu dengan kerjasama Gurney Paragon dan Ming Art Gallery. Projek seni mural ini disokong oleh Sukarelawan Belia Pulau Pinang yang hadir.

JUMLAH PENYERTAAN: 13 BELIA

MAJLIS PELANCARAN BLANK CANVAS: MURAL ART AT PADANG KOTA DI KOMPLEKS MAKANAN RENONG, PADANG KOTA LAMA
14.05.2023








PYDC dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), telah melancarkan projek seni mural Blank Canvas: Mural Art at Padang Kota di Kompleks Makanan Renong. Projek ini dirasmikan oleh YB Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, bersama Dato' Ir. Rajendran A/L P. Anthony, Datuk Bandar MBPP, Dr, Gwee Sai Ling, Pengurus Besar PYDC, dan Cik Ng Hooi Ting, Timbalan Pengurus Besar PYDC. Projek seni mural tersebut mempamerkan seni-seni mural yang mempromosikan kempen-kempen kesedaran sivik oleh MBPP.

JUMLAH PENYERTAAN: 36 BELIA

MAJLIS PELANCARAN BLANK CANVAS: MURAL ART IN TAMAN RIMBA WOODHAVEN
26.06.2023


Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) dengan kerjasama Perbadanan Stadium & Kawasan Lapang Pulau Pinang, dan Majlis Belia Daerah Seberang Perai Tengah, dengan Agensi Pekerjaan FastJobs Sdn. Bhd. sebagai penaja utama dan sokongan signifikan daripada Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia serta peserta dari SMJK Jit Sin SKK, telah menjayakan projek Blank Canvas: Mural Art In Taman Rimba WoodHAVEN.

Projek seni mural tersebut telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Tuan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, bersama YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang.

"Blank Canvas: Mural Art In Taman Rimba WoodHAVEN." ialah projek terbaharu untuk siri "Blank Canvas" PYDC dan telah menerima rekod baharu dalam Malaysia Book of Records sebagai Seni Mural Bertemakan Hutan Bandar Terpanjang pada 2023.

"Blank Canvas: Mural Art In Taman Rimba WoodHAVEN." berukuran sepanjang 218.5 meter dan setinggi 2.1 meter. Projek ini telah disertai oleh 170 ahli Sukarelawan Belia Pulau Pinang, dibimbing oleh muralist, En. Norshahidan bin Mohamad, pensyarah seni halus.

JUMLAH PENYERTAAN: 170 BELIA

E-SUKAN

Sukan elektronik (e-sukan) ialah sejenis bentuk pertandingan dengan permainan video. Acara e- sukan dilakukan dalam pelbagai bentuk yang dianjurkan termasuk pertandingan permainan video multipemain, terutama antara pemain profesional, secara individu atau pasukan.

PYDC X ESPP JELAJAH DUNIA ESPORTS KUALA LUMPUR
29 & 30.04.2023




Projek jelajah ini merupakan sebuah kolaborasi antara PYDC bersama kumpulan ESPORTS Pulau Pinang (ESPP). Jelajah ini membawa peserta-peserta belia ke pelbagai lokasi yang mempromosikan e-sukan termasuk acara SEGi Game On Expo, Homebois Pitstop, dan juga MPL MY/SG Season 11. Tujuan program jelajah ini ialah untuk memperkenalkan kepada belia tentang perkembangan terkini untuk sektor e-sukan.

Belia yang mengikuti program ini memaklumkan keterujaan mereka menyertai program ini dan berterima kasih kepada PYDC kerana memberi mereka peluang melihat perkembangan dunia e-sukan di tanah air secara langsung menerusi jelajah ini.

JUMLAH PENYERTAAN: 32 BELIA

SEGI GAME ON EXPO 2023
29 & 30.04.2023







PYDC berbangga menjadi salah satu penganjur bersama untuk acara SEGi Game On Expo 2023 yang merupakan satu acara e-sukan tahunan yang dianjurkan oleh SEGi Universities and Colleges bersama agensi-agensi kolaborasi yang lain. Acara SEGi Game On Expo 2023 turut memuatkan pelbagai aktiviti menarik termasuk perlawanan e-sukan, pertandingan "cosplay", dan juga majlis penyampaian anugerah besar-besaran. PYDC juga berpeluang membawa belia yang terlibat dalam bahagian e-sukan di Pulau Pinang untuk memeriahkan lagi acara berkenaan.

JUMLAH PENYERTAAN: 151 BELIA

MLBB TOURNAMENT ADUN BATU UBAN 2023
04.06.2023





Pertandingan Mobile Legends: Bang Bang (MLBB) ini dianjurkan oleh Pusat Khidmat KADUN Batu Uban dengan kerjasama PYDC. Majlis pelancaran pertandingan ini disertai oleh YB Kumaresan A/L Aramugam, ADUN Batu Uban.

JUMLAH PENYERTAAN: 120 BELIA

MLBB YOUTH E-SPORT TOURNAMENT
17.06.2023







Pertandingan Mobile Legends: Bang Bang (MLBB) ini dianjurkan oleh Pusat Khidmat KADUN Air Itam dengan kerjasama PYDC dan juga INTI International College Penang. Majlis pelancaran pertandingan ini disertai oleh YB Joseph Ng Soon Siang, ADUN Air Itam.

JUMLAH PENYERTAAN: 92 BELIA

BAGAN JERMAL E-SPORT CHALLENGE
18.06.2023







Pertandingan Mobile Legends: Bang Bang (MLBB) ini dianjurkan oleh Pusat Khidmat KADUN Bagan Jermal dengan kerjasama PYDC dan juga JBPP Bagan Jermal. Majlis pemeberian hadiah untuk pertandingan ini disertai oleh YB Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang.

JUMLAH PENYERTAAN: 157 BELIA

KOLABORASI AKADEMIA-INDUSTRI-NGO-AGENSI

PYDC bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi menghasilkan program dan juga menyumbang ke arah pembangunan belia selari dengan inisiatif "Youth For Future". Pada suku pertama 2023, PYDC telah berkolaborasi dengan pelbagai pihak termasuk dari sektor akademia, industri, NGO, dan agensi lain.

MAJLIS MENANDATANGANI SURAT KERJASAMA (LOC) BERSAMA UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA 17.04.2023





Pada 17 April 2023, PYDC menandatangani Surat Kerjasama (LoC) baharu dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). LoC antara PYDC dan UTM ini melambangkan komitmen antara kedua-dua pihak untuk bekerjasama pada masa hadapan demi pembangunan belia.

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN BERSAMA SOUTHERN UNIVERSITY COLLEGE DAN RAFFLES UNIVERSITY 18.04.2023





Pada 18 April 2023, PYDC telah menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) baharu dengan dua institusi pendidikan baharu, Southern University College dan Raffles University.

PYDC diwakili YB Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, dan Dr. Gwee Sai Ling, Pengurus Besar PYDC. Menerusi pemeteraian MoU baharu ini, komitmen yang lebih tinggi dapat dibentuk antara PYDC bersama Southern University College dan Raffles University ke arah pembangunan belia.

MUTR INTERNATIONAL YOUTH CAMP 2023 20 - 28.04.2023

Pada 20 hingga 28 April 2023, Kem Belia Antarabangsa RMUTR 2023 telah diadakan di Universiti Teknologi Rajamangala Rattanakosin, Thailand. PYDC berbesar hati untuk turut menghantar tiga peserta belia dari Pulau Pinang ke acara antarabangsa tersebut. Tiga peserta belia yang dihantar oleh PYDC ialah:

1. Yeoh Wei Qi
2. Mohamad Nor Syazwan Bin Zawawi
3. Benny Ooi Si Quan

JUMLAH WAKIL DIHANTAR: 3 ORANG





1ST STATION FOR FINANCIAL FREEDOM MINDSET 4.0 TOUR WORKSHOP 03.05.2023





Pada 7 Mei 2023, JCI United Penang telah bekerjasama dengan PYDC untuk menganjurkan "1st Station for the Financial Freedom Mindset 4.0 Tour Workshop" di Penang Youth Space.

"FFM 4.0 Tour Workshop" adalah program anjuran JCI United Penang untuk mempromosikan celik kewangan melalui bengkel dalam bentuk jelajah ke seluruh Malaysia. Penang Youth Space oleh PYDC telah dipilih sebagai stesen pertama untuk acara bercita-cita tinggi ini.

JUMLAH AHLI KUMPULAN: 20 ORANG

ANIMATHIC RUN BERSAMA PERSATUAN SAINS MATEMATIK USM 06.05.2023







Pada 6 Mei 2023, PYDC telah berkolaborasi bersama Persatuan Sains Matematik USM bagi acara Larian Animathic. Larian itu disertai 250 pelari berdaftar termasuk golongan belia yang teruja dengan larian itu. Terdapat juga acara cosplay dengan ramai peserta turut mencuba pakaian mereka untuk menjadikan acara itu lebih menarik.

JUMLAH AHLI KUMPULAN: 250 ORANG

BIZMAKER 2023 - BEYOND ALL LIMITS 27.05.2023





PYDC berbesar hati kerana turut dijemput untuk program BizMaker 2023 - Beyond All Limits sebagai juri acara yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM).

BizMaker 2023 ialah program khas yang dianjurkan di USM, dengan sokongan BHEPA USM, untuk mempromosikan pemacu keusahawanan dalam kalangan peserta. Peserta boleh mengemukakan idea perniagaan mereka di hadapan hakim dan membangunkan penyelesaian selaras dengan pemikiran inovatif dan penyelesaian masalah.

PYDC telah dijemput untuk menjadi juri panel bagi acara tersebut.

JUMLAH PESERTA: 155 ORANG

LAWATAN KE HARI BELIA NEGARA 2023
27 & 28.05.2023





Pada 28 Mei 2023, PYDC, dengan kerjasama Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MBNPP), telah menganjurkan lawatan ke Majlis Perasmian Hari Belia Negara 2023 yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, di Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson

Inisiatif ini adalah simbol komitmen PYDC untuk terus memperkasa dan menyokong belia di Pulau Pinang dan seluruh negara. Para peserta rombongan juga amat teruja kerana dapat menghadiri acara Hari Belia Negara 2023 yang penuh bermakna ini.

JUMLAH PESERTA: 80 ORANG

MASVERSE WEB3 COURSE
29.05.2023





Pada 29 Mei 2023, PYDC amat berbesar hati menjadi rakan kerjasama sokongan untuk Kursus Masverse Web3, anjuran Masverse.Official.

Kursus khas ini direka untuk membawa peserta menyelami teknologi baharu dan inovatif, memacu keusahawanan, dan inovasi sambil meningkatkan literasi digital dan pemikiran kritis. Kursus ini telah diadakan di Pusat Belia Bagan Jermal dan melibatkan 21 peserta dari sekolah menengah yang turut menyertai sesi ini.

Peserta dapat menikmati pendaftaran percuma dalam kursus kelayakan mikro yang diperakui blokchain L2E yang sangat bermanfaat untuk celik teknologi mereka. Tambahan pula, para peserta juga mempunyai peluang untuk mengalami realiti maya buat kali pertama.

JUMLAH PESERTA: 21 ORANG

PROJEK PELAJAR PENTADBIRAN AWAM
08.06.2023

Pada 8 Jun 2023, PYDC bekerjasama dengan pelajar dalam SPU406 - Seminar Pentadbiran Awam dari Universiti Sains Malaysia (USM) untuk mendekati agensi-agensi Negeri Pulau Pinang. Projek ini diterajui oleh Syamil Joraimy di bawah seliaan Dr Razlini Mohd Ramli dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM.

Bagi bahagian pertama projek itu, pelajar mengadakan lawatan ke Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk mengetahui lebih lanjut mengenai perundangan negeri. Para pelajar juga teruja untuk mengadakan simulasi sidang dengan kehadiran Dato' Law Choo Kiang, Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, yang turut memberikan banyak pandangan tentang bagaimana proses perundangan berfungsi di Pulau Pinang.

Bagi separuh kedua projek, para pelajar tiba di Penang Youth Space oleh PYDC. Para pelajar mengadakan sesi forum khas dan berbesar hati kerana turut hadir YB Joseph Ng Soon Siang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bagi Air Itam, sebagai penceramah panel bagi forum tersebut.





JUMLAH PESERTA: 44 ORANG

PERASMIAN PROJEK POKEMON GO ISLAND AIR ITAM 16.06.2023






Turut di bawah inisiatif Pusat Belia, Projek Pokemon Go Island Air Itam telah dirasmikan oleh YB Joseph Ng Soon Siang, ADUN Air Itam. Projek arca komuniti yang dimulakan sejak tahun lepas ini merupakan sebuah kolaborasi berterusan antara PYDC bersama Pusat Khidmat KADUN Air Itam, SENTRAL College Penang, dan Top Life Group sebagai penaja. Projek arca tersebut merupakan sebuah arca untuk watak Pikachu yang dibuat daripada botol-botol kosong yang dikutip sejak tahun lepas dan dihasilkan.

SEMINAR ART OF MASTERING TIKTOK 17.06.2023


PYDC dengan kerjasama Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang Seksyen Usahawan Belia (PCCC YES) dan Persatuan Usahawan Maju Malaysia (PUMM) Pulau Pinang, telah berjaya menganjurkan "Seminar Art of Mastering TikTok" pada 17 Jun 2023 di Tan Kok Dewan Ping, Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang.

Daripada acara tersebut, penceramah jemputan, Encik Bob Lay, berkongsi pandangannya tentang cara mengoptimumkan penggunaan TikTok, termasuk penggunaan algoritma, untuk meningkatkan perniagaan. Peserta juga belajar banyak tentang kemahiran baharu yang boleh digunakan untuk meningkatkan perniagaan mereka daripada TikTok. Turut hadir ialah Dr. Gwee Sai Ling, Pengurus Besar PYDC, yang dijemput untuk turut berkongsi dengan para peserta tentang inisiatif PYDC untuk belia.




JUMLAH PESERTA: 79 ORANG

MAJLIS MENANDATANGANI MOU BERSAMA RAKAN-RAKAN DARI SEKTOR FILMOGRAFI DAN DARI CHINA 26.06.2023




Pada 26 Jun 2023, PYDC telah menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) baharu dengan pemain daripada industri videografi dan dari China. PYDC telah diwakili oleh YB Soon Lip Chee, Pengerusi Lembaga PYDC, dan Dr. Gwee Sai Ling, Pengurus Besar PYDC.

MoU pertama adalah antara PYDC dengan Atlantic By Motion In Stye dan Futuromic Photo AV Sdn Bhd. Daripada MoU itu, pihak-pihak menyatakan hasrat bersama untuk terus membangunkan kemahiran videografi dan filemografi belia.

MoU kedua ialah antara PYDC dengan Malaysia Henan Chamber of Commerce dan Zhengzhou Zhongdamen Education Technology Co. Ltd. Daripada MoU ini, kedua-dua pihak menyatakan hasrat bersama untuk turut membangunkan lagi kapasiti keusahawanan belia dan juga usaha pertukaran budaya rentas sempadan.

PERSIDANGAN BELIA ANTARABANGSA (INTERNATIONAL YOUTH CONFERENCE)

Persidangan Belia Antarabangsa (International Youth Conference) merupakan salah satu acara perdana tahunan daripada PYDC sebagai satu platform untuk golongan belia tempatan dan antarabangsa membentangkan hasil kajian mereka dan menjalin hubungan untuk kerjasama pada masa hadapan. Belia yang membentang juga berpeluang untuk menerbitkan kertas kajian mereka dalam jurnal akademik.

3RD INTERNATIONAL YOUTH CONFERENCE 2023
24.06.2023

IYC 2023 dianjurkan oleh PYDC dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM), Han Chiang University College of Communication (HCUC), INTI International College Pulau Pinang, Kolej Vokasional Batu Lanchang (KVBL), Sentral College Penang, DISTED College Penang, MSU College Penang, ViTrox College, Binary University, MySDG Academy, Association of International Business and Professional Management (AIBPM), Star Scholar, dan Big Domain.





Acara dirasmikan oleh YB Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang, dengan kehadiran Profesor Dato' Ir. Dr, Abdul Rahman Mohamed, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, dan Dr. Liem Gai Sin, Presiden Persatuan Perniagaan Antarabangsa dan Pengurusan Profesional. Selain itu, para peserta dapat mengikuti syarahan oleh penceramah ucaptama jemputan, Ts. Dr Norsaidatul Mazelan, Ketua Pegawai Eksekutif Think Plus Group of Companies.



Seramai 400 peserta, termasuk pembentang, dari Malaysia, China, Indonesia, Yaman, Pakistan, dan banyak lagi negara menyertai persidangan ini, masing-masing membentangkan hasil kajian dan terlibat dalam diskusi.

JUMLAH PESERTA KESELURUHAN: 400 ORANG
JUMLAH NEGARA TERLIBAT: 8 NEGARA

SKIM INSENTIF KECEMERLANGAN BAKAT MUDA PULAU PINANG (SIKBMPP) - BEST! ANAK PENANG

Best! Anak Penang SIKBMPP merupakan galakan positif daripada golongan belia di Pulau Pinang untuk memberi dorongan dan penghargaan kepada golongan belia di Pulau Pinang yang berjaya dalam mengharumkan nama baik negeri Pulau Pinang dengan memenangi kejohanan berbentuk akademik dan kokurikulum di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

MAJLIS PENYAMPAIAN SKIM INSENTIF KECEMERLANGAN BAKAT MUDA PULAU PINANG (SIKBMPP) - BEST! ANAK PENANG SESI PERTAMA 2023
25.06.2023

Pada 25 Jun 2023, PYDC telah menganjurkan Majlis Penyampaian Skim Insentif Kecemerlangan Bakat Muda Pulau Pinang (SIKBMPP) - BEST! Anak Penang Sesi Pertama 2023.

BEST! Anak Penang SIKBMPP merupakan satu skim insentif oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menghargai pencapaian belia Pulau Pinang dalam kejohanan akademik dan kokurikulum di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi sesi ini, terdapat 25 permohonan yang berjaya melibatkan 104 orang belia Pulau Pinang dari pelbagai acara pertandingan dan memenangi tempat pertama, kedua, dan ketiga di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Majlis penyampaian ini berlangsung dengan jayanya di mana penerima-penerima yang hadir bersama ibu bapa dan wakil institusi dapat menerima sijil penghargaan dan jumlah skim insentif yang diterima sambil disaksikan oleh tetamu-tetamu kehormat.

Tahniah diucapkan kepada bakat-bakat muda Pulau Pinang yang berjaya mengharumkan nama negeri Pulau Pinang.







JUMLAH PENERIMA: 104 PENERIMA

SENARAI PENERIMA BAGI SKIM INSENTIF KECEMERLANGAN BAKAT MUDA PULAU PINANG (SIKBMPP) - BEST! ANAK PENANG SESI PERTAMA 2023

KATEGORI INDIVIDU	NAMA PENERIMA	NAMA PERTANDINGAN	PENCAPAIAN
KEBANGSAAN	TAN LE YU	MALAYSIA TECHLYMPICS 2022: CABARAN MATH WHIZ	JOHAN
	WONG YEOK HEI	KGL CONTEST ENGLISH OLYMPIAD (STAGE 2, A2)	JOHAN *(1ST PLACE)*
	ESTELLE SIA YU QI	KGL CONTEST ENGLISH OLYMPIAD (STAGE 2, B2)	JOHAN *(1ST PLACE)*
	RAVEN LIM ZHE XUAN	GAME DEVELOPMENT COMPETITION: CREATE YOUR OWN GAME	NAIB JOHAN
	NUR AYUNI BASYIRAH BINTI MOHMAD ROZYE	POSTER DRAWING CHALLENGE	TEMPAT KEDUA
	SAMUEL PHUN WEI XEN	KGL CONTEST ENGLISH OLYMPIAD (STAGE 2, B2)	*TEMPAT KETIGA (3RD PLACE)*
ANTARABANGSA	ELIZABETH QUAH	WORLD SCHOLAR'S CUP: TOURNAMENT OF CHAMPIONS 2022	EMAS *(1ST GOLD)*
	CHLOE POON ROU YI	INTEL AI GLOBAL IMPACT FESTIVAL 2022	TEMPAT KETIGA *3RD PLACE (AI IMPACT CREATOR: UNDER 18)*

KATEGORI KUMPULAN	NAMA PENERIMA	NAMA PERTANDINGAN	PENCAPAIAN
KEBANGSAAN	GENESIS MATRIX	PENANG YOUNG DIGITAL TALENT 2.0 GAME DEVELOPMENT COMPETITION	JOHAN
	SMJK HENG EE	PERTANDINGAN INOVASI SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2022/2023	JOHAN
	HAN CHIANG HIGH SCHOOL	WORLD SCHOLAR'S CUP - REGIONAL ROUND (PENANG)	JOHAN
	UNIVERSITI MALAYA	MALAYSIAN NATIONAL UNIVERSITIES DEBATING CHAMPIONSHIP 2023	JOHAN
	HAN CHIANG HIGH SCHOOL	WORLD SCHOLAR'S CUP - REGIONAL ROUND (PENANG)	NAIB JOHAN
	HAN CHIANG HIGH SCHOOL	WORLD SCHOLAR'S CUP - REGIONAL ROUND (PENANG)	*TEMPAT KETIGA (3RD PLACE)*
	INSTITUT PENDIDIKAN GURU	DIGITAL FINANCIAL INCLUSION CHALLENGE	*TEMPAT KETIGA (3RD PLACE)*
	SMJK JIT SIN PANITIA BAHASA CINA	PERTANDINGAN SENI PERTUTURAN CINA SEKOLAH MENENGAH 2023	TEMPAT KETIGA
ANTARABANGSA	UNIVERSITI MALAYA	ASEAN YOUTH DEBATE 2022	JOHAN
	KELAB TARIAN SMJK JIT SIN	RED SONATA FIESTA INTERNATIONAL ARTS FESTIVAL 2022	GOLD WITH HONOUR AWARD 1ST PRIZE
	HAN CHIANG HIGH SCHOOL	INTERNATIONAL YOUTH STEM TOURNAMENT	EMAS *GOLD (1ST)*
	KOLEJ VOKASIONAL BATU LANCHANG	TEACHING & LEARNING INNOVATION COMPETITION (TLIC 2023)	EMAS *GOLD (2ND)*
	SMJK JIT SIN	MALAYSIAN CHORAL EISTEDDFOD INTERNATIONAL CHOIR 2022	EMAS *GOLD (3RD)*
	PERSATUAN CATUR NEGERI PULAU PINANG	HONG KONG BAUHINIA INVITATIONAL INTERNATIONAL CHESS TOURNAMENT 2022	NAIB JOHAN
	SMKA AL-IRSHAD	INTERNATIONAL STEM COMPETITION 2022	NAIB JOHAN *2ND PRIZE (SENIOR HIGH SCHOOL CATEGORY: INVENTION & INNOVATION)*
	SMKA AL-IRSHAD	INTERNATIONAL STEM COMPETITION 2022	TEMPAT KETIGA *3RD PRIZE (SENIOR HIGH SCHOOL CATEGORY: INVENTION & INNOVATION)*
	KOLEJ VOKASIONAL BATU LANCHANG	9TH INTERNATIONAL BIOTECHNOLOGY COMPETITION & EXHIBITION (IBCEX' 23)	*TEMPAT KETIGA (3RD PLACE)*

JAWATANKUASA BELIA PULAU PINANG

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menubuhkan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP) yang akan bertindak sebagai pelapis dalam barisan pemimpin masyarakat di Pulau Pinang serta membangunkan belia secara holistik demi mencapai potensi penuh mereka selari dengan hala tuju PYDC, inisiatif "Belia Untuk Basa Depan" serta Visi Penang2030.

JAWATANKUASA BELIA PULAU PINANG

JUMLAH PROGRAM
42

JUMLAH PENYERTAAN
8,451

PROGRAM JBPP 2023 SUKU TAHUN KEDUA



JBPP KADUN N02 BERTAM

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Kursus Penyelenggaraan & Baik Pulih Penghawa Dingin	10 & 11 Jun 2023	Kolej Komuniti Tasek Gelugor (Kampus Kampong Selamat)	10
Pertandingan Memancing Parit 2023	18 Jun 2023	Tali Air, Kampung Permatang Pak Elong	100

JBPP KADUN N03 PINANG TUNGGAL

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Bertam Beriftar	14 Apr 2023	Kafeteria Kolej Al - Zahrawi, UITM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam	500

JBPP KADUN N08 BAGAN JERMAL

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Pertandingan Bowling Tahun 2023	16 Apr 2023	Pacific Megamall	192
Kelas Tuiyen Bahasa Malaysia	Apr - Ogos (Setiap Ahad)	Pusat Penang 2030 KADUN Bagan Jermal	30
Pertandingan E-Sport Belia Battle Legend	18 Jun 2023	Pusat Belia Bagan Jermal	124

JBPP KADUN N10 SEBERANG JAYA

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Pertandingan Esports Seberang Jaya	22 Julai 2023	Peserta Astaka Banda Baru Perda	150

JBPP KADUN N12 PENANTI

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Program Jamuan Hari Raya JBPP Penanti 2023	5 Mei 2023	Tapak Luar Dewan Taman Guar Perahu	100
Program Tayangan Screen Besar Final UCL 22/23 Manchester City vs Inter Milan	11 Jun 2023	Kedai Makanan Kort Burger Berhadapan SK Penanti	60

JBPP KADUN N13 BERAPIT

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Program Belajar Hujung Minggu Ramah	1 Apr 2023	Dewan Orang Ramai Perkampungan Berapit Gelanggang Bola Keranjang Berbumbungan Perkampungan Berapit	55
Pertandingan Ping Pong Piala Belia Berapit	25 Jun 2023	Dewan SJK(C) Perkampungan Berapit	100

JBPP KADUN N14 MACHANG BUBUK

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Program Career Fair with JBPP Machang Bubuk	25 Jun 2023	Dewan Taman Alma Jaya	250

JBPP KADUN N16 PERAI

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Program Bersama Rakyat	17 Jun 2023	Dewan Serbaguna, Taman Chai Leng	600

JBPP KADUN N19 JAWI

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Pertandingan Badminton	29 Apr 2023	Dewan Chong Kuang, Sungai Bakap	30

JBPP KADUN N20 SUNGAI BAKAP

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Konvoi Gelombang Perpaduan 2023	18 Jun 2023	Dewan Futsal Pearl City, Bandar Tasek Gelugor	100

JBPP KADUN N21 SUNGAI ACHEH

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Program Edaran Bubur Lambuk	8 & 9 Apr 2023	Pekan Sungai Acheh & Taman Pekaka	600
Pertandingan Karom Tertutup DUN Sungai Acheh	4 Jun 2023	Dewan MPKK Simpang Tiga	50
Karnival Kerjaya Belia Madani	11 Jun 2023	Dewan SMK Sungai Acheh	300

JBPP KADUN N22 TANJONG BUNGA

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Program Derma Darah	30 Apr 2023	Lotus Sri Tg. Pinang	500
Kelas Terrarium	6 - 7 Mei 2023	Pusat Khidmat Kadun Tanjung Bunga	60

JBPP KADUN N23 AIR PUTIH

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Civic Education Tuition Class	Feb - September	Pusat Penang2030 KADUN Air Putih	293
Debate Show Performance Watching	15 & 16 Apr 2023	Universiti Malaya	12

JBPP KADUN N24 KEBUN BUNGA

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Program Karnival Jiwa Rakyat	20 Mei 2023	Flat Padang Tembak	2000

JBPP KADUN N26 PADANG KOTA

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Tufting DIY Workshop	1 Mei 2023	29A-03-1, Maritime Suite KSD	30
Unleashing The Power of Google drive & Workspace	7 Mei 2023	90, Jalan Kedah, George Toen	20

JBPP KADUN N27 PENGKALAN KOTA

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Batik Painting Workshop	20 Mei 2023	Dewan Komuniti Lebuh Macallum	30

JBPP KADUN N28 KOMTAR

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Short Film With Han Chiang University College	Apr - Jul 2023	Han Chiang University College	200
Penang Wei Qi Workshop	20 Mei - 10 and 12 Jun 2023	Kompleks Taman Harapan	55
JBPP Mini Golf Fraternity 2023	20 Jun 2023	De'8000 Mini Golf Cafe	30

JBPP KADUN N31 BATU LANCANG

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Tufting Workshop 2023	9 Apr 2023	Olo Studio, Straits Garden Commercial Lot	20
Jelutong Youth Bowling Friendly Match	6 Mei 2023	Penang Bowl Bowling	25
Jelutong Youth Baking Workshop	28 Mei 2023	Bake In Garden by Artisan (Gurney Paragon)	20
Back To Nature At Balik Pulau Event	17 Jun 2023	Balik Pulau	35

JBPP KADUN N33 AIR ITAM

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Youth E-Sport Tournament - Mobile Legend	17 Jun 2023	SJK(C) Kong Min Pusat	80

JBPP KADUN N34 PAYA TERUBONG

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Ceramah Keselamatan Komuniti	21 Mei 2023	Tingkat 5, Pasar Farlim	100
Karnival Love Paya Terubong - Jom Saring Kesihatan	28 Mei 2023	Dewan Terbuka Taman Paya Terubong	250
Jelajah Keselamatan Komuniti Tanggungjawab Bersama 2.0	18 Jun 2023	Dewan MPKK, Relau	100
Taklimat Pendidikan & Kerjaya "Education vs Employment : Making The Right Choice"	25 Jun 2023	Bangunan Hui Yin Seh	100

JBPP KADUN N35 BATU UBAN

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Kejohanan E-Sports	4 Jun 2023	AC Hotel By Marriot Penang	150

JBPP KADUN N36 PANTAI JEREJAK

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Filial Piety Calligraphy Competition & Award Ceremony 2023	27 Mei 2023	Suntech@Penang Cybercity	200
Youth Team Building Camp 2023	25 Jun 2023	Centre Of Marine & Costal Studies (CEMAS)	40

JBPP KADUN N37 BATU MAUNG

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Karnival Madani @ DUN Batu Maung E-Sport Competition 2023	18 Jun 2023	Batu Maung Foodies, Batu Maung	150

JBPP KADUN N40 TELOK BAHANG

PROGRAM	TARIKH	TEMPAT	PENYERTAAN
Program Edaran Bubur Lambuk Sempena Bulan Ramadhan	7 Apr 2023	Pasar Malam Teluk Bahang	750

KESIMPULAN

Satu kesimpulan telah dibuat bagi program-program yang telah dijalankan oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) sepanjang suku tahun kedua 2023.

Secara keseluruhan, PYDC telah mengadakan sebanyak 140 program sepanjang suku tahun kedua 2023 dan sebanyak 25,041 belia telah menyertai program-program tersebut. Ini adalah termasuk program yang dianjurkan oleh PYDC sendiri, kolaborasi bersama agensi-agensi, persatuan dan institusi-institusi serta program-program daripada Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP).

PYDC akan terus berusaha untuk membangunkan potensi para belia di Pulau Pinang. penglibatan belia yang tinggi adalah tanda positif pencapaian PYDC dalam menunaikan agenda belia serta bergerak sejajar dengan visi Penang2030.

Jabatan	Jumlah Program	Jumlah Penyertaan
Pembangunan Ekonomi	26	11,194
Pembangunan Sosial	30	1,575
Pembangunan Diri	28	2,655
Kolaborasi Akademia-Industri-NGO-Agensi	13	1,052
Jawatankuasa Belia Pulau Pinang	42	8,451
SIKBMPP	1	104
Jumlah Keseluruhan	**140**	**25,031**

PROGRAM AKAN DATANG
(JULAI - SEPTEMBER 2023)

Nama Program	Tarikh Program
Sukarelawan Belia di Perpustakaan Digital Pulau Pinang	Jun - Ogos 2023
Program E-Sports Seberang Jaya	08 Jul 2023
Malaysia-China Youth Exchange Forum 2023	08 Jul 2023
Blank Canvas: Shaanxi Huxian Farmer Painting Journey - Penang World Heritage Mural Creation Themed Harvest	09 Jul 2023
Program Mendalami Kerjaya Influencer	12 Jul 2023
Cabaran E-Sports Belia	15 Jul 2023
Into The Lens: Short Film Competition - "PSA: Depression Among Youth" Screening and Award Ceremony	15 Jul 2023
Web Development Workshop	15 & 16 Jul 2023
Graduation Ceremony for the “Let’s Play: Youth Basic Drama Course”	23 & 30 Jul 2023
Undi18 Simulation at SENTRAL College Penang	28 Jul 2023
Bengkel Bangsa Malaysia at Penang Harmony Centre	30 Jul 2023

PROGRAM AKAN DATANG
(JULAI - SEPTEMBER 2023)

Nama Program	Tarikh Program
Career Discovery	31 Jul & 25, 26 Sep 2023
Hand-In-Hand Workshop	05 Ogos 2023
PYV : Latihan Asas Keselamatan & Kebakaran	19 Ogos 2023
Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan Ke-66 Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2023	31 Ogos 2023
Youth Entrepreneurship Challenge Forum	02 Sep 2023
PYDT: Let's Explore Augmented Reality Workshop	09, 10 & 16 Sep 2023
PYV : Let’s Clean It Up! Malaysia	09 & 10 Sep 2023
UTP x PYDC University Social Responsibility 2023: Community Service at Kampung Orang Asli Lata Kinjang	10 Sep 2023
Malaysia Day PUBG Challenge	17 Sep 2023
Pusat Belia x Blank Canvas : Acrylic Painting Workshop	23 Sep 2023